

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB Kuala Selangor, mana-mana Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau pekerja asing yang telah ditangkap atas apa-apa kesalahan termasuk kesalahan menyalahgunakan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dari sektor pekerjaan lain untuk menjadi pengawal keselamatan adalah tidak boleh untuk diambil untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan oleh mana-mana syarikat kawalan keselamatan berlesen kerana telah dianggap sebagai imigran terlarang dan boleh diusir keluar di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Sehingga kini Negara kita hanya membenarkan warganegara Malaysia (pengawal keselamatan tempatan) dan warganegara Nepal (pengawal keselamatan warga asing) sahaja untuk berkhidmat sebagai pengawal keselamatan di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang melaksanakan program penggajian semula ataupun *rehiring programme* [dengan izin Tuan Yang Di-Pertua] bagi membolehkan pekerja asing warganegara Nepal dari mana-mana sektor pekerjaan untuk didaftarkan sebagai pengawal keselamatan sekiranya warganegara Nepal tersebut memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat berkaitan sebarang aktiviti penggunaan syarikat kawalan keselamatan haram ataupun penggunaan pengawal keselamatan haram, Ahli yang terhormat boleh melaporkan terus kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang melakukan kesalahan.